

## **KEAHLIAN**

1. Kriteria keahlian pertubuhan adalah seperti berikut

a. **Ahli Bertauliah**

- i. Kewarganegaraan : **Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia**
- ii. Umur Minima : **18 tahun**
- iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : **Malaysia**
- iv. Keturunan/Bangsa : **Semua**
- v. Jantina : **Lelaki dan Perempuan**
- vi. Agama : **Semua**
- vii. Kriteria Keahlian Yang Lain :

- **Telah tamat latihan Terapi desensitasi dan pemprosesan semula pergerakan mata iaitu merangkumi 20 jam latihan dan 20 jam practicum oleh Pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia.**
- **Telah melalui penyeliaan kumpulan oleh Pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh pertubuhan selama 15 jam dan penyeliaan individu oleh Pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia selama 5 jam. Log sesi penyeliaan diperlukan sebagai bukti.**
- **Telah merawat sekurang-kurangnya 25 pesakit dengan terapi EMDR.**
- **Telah menjalankan sekurang-kurangnya 75 sesi terapi EMDR.**
- **Telah lulus penilaian sesi terapi EMDR video oleh pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia.**
- **Boleh disenaraikan oleh Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia sebagai ahli terapi desensitasi dan pemprosesan.**

b. **Ahli Biasa**

- i. Kewarganegaraan : **Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia**
- ii. Umur Minima : **18 tahun**
- iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : **Malaysia**
- iv. Keturunan/Bangsa : **Semua**
- v. Jantina : **Lelaki dan Perempuan**
- vi. Agama : **Semua**
- vii. Kriteria Keahlian Yang Lain :

- **Telah tamat latihan terapi desensitasi dan pemprosesan semula pergerakan mata iaitu merangkumi 20 jam latihan dan 20 jam practicum oleh Pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh**

**Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia.**

- Telah melalui penyeliaan kumpulan selama 10 jam oleh Pakar perunding EMDR yang diluluskan oleh Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia. Log sesi penyeliaan diperlukan sebagai bukti.
- Boleh disenaraikan oleh Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia sebagai ahli terapi desensitasi dan pemprosesan.

**c. Ahli Bersekutu**

- i. Kewarganegaraan : **Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia**
- ii. Umur Minima : **18 tahun**
- iii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : **Malaysia**
- iv. Keturunan/Bangsa : **Semua**
- v. Jantina : **Lelaki dan Perempuan**
- vi. Agama : **Semua**
- vii. Kriteria Keahlian Yang Lain :
  - Berminat tentang terapi desensitasi dan pemprosesan semula pergerakan mata

**d. Ahli Kehormat**

- i. Kewarganegaraan : **Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia**
- ii. Kawasan/Negeri Tempat Tinggal Ahli : **Malaysia**
- iii. Keturunan/Bangsa : **Semua**
- iv. Jantina : **Lelaki dan Perempuan**
- v. Agama : **Semua**
- vi. Kriteria Keahlian Yang Lain :
  - Dilantik oleh ahli jawatankuasa Persatuan Terapi Desensitasi Dan Pemprosesan Semula Pergerakan Mata Malaysia.
  - Telah memberi sumbangan yang memanfaatkan persatuan atau sumbangan yang besar dalam bidang terapi desensitasi dan pemprosesan semula pergerakan mata.
  - Ahli kehormat tidak mempunyai kuasa untuk memegang jawatan dan mengundi di dalam apa-apa mesyuarat.
  - Ahli kehormat dikecualikan bayaran yuran ahli.